



FEMA

07 Oktober, 2021

DR-4615-NY NR 010

Meja Berita Negeri: (518) 474-8418

Meja Berita FEMA: (202) 322-6071

E-mel: fema-dr4615ny@fema.dhs.gov

Hebahan Berita

Jika Insurans Tidak Menanggung Kerugian Anda, Sumber Lain Boleh Membantu

NEW YORK – Ramai warga New York yang mengalami kerugian akibat Taufan Ida dilindungi oleh insurans mereka. Namun, walaupun dengan perlindungan yang terbaik ia mungkin tidak memenuhi setiap keperluan, maka dengan sebab itulah program negeri, persekutuan dan bukan kerajaan disediakan.

FEMA mungkin akan menghantar surat yang mengatakan bahawa anda tidak layak untuk mendapat bantuan bencana persekutuan atau meminta maklumat tambahan.

FEMA menyediakan bantuan kepada pemohon untuk perbelanjaan dan keperluan serius yang tidak dilindungi oleh insurans atau insuran terhad. Pemohon diminta untuk memaklumkan semua perlindungan insurans yang mungkin tersedia buat mereka kepada FEMA termasuklah insuran banjir, pemilik rumah, kenderaan, rumah bergerak, perubatan, pengebumian, dll.

Pemohon berinsurans mestilah menyediakan dokumentasi yang mengenal pasti tuntutan pembayaran atau faedah insurans mereka sebelum FEMA mempertimbangkan kelayakan mereka untuk kategori bantuan yang mungkin dilindungi oleh insurans swasta.

Sebab-sebab anda mungkin akan menerima surat penentuan FEMA termasuk:

- Penghunian belum disahkan;
- Pemilikan harta benda yang rosak belum disahkan;
- Bukti Identiti belum disahkan;
- FEMA tidak menerima dokumen tuntutan pembayaran insurans.

Anda dikehendaki membaca surat tersebut dengan teliti supaya anda boleh menyediakan informasi atau dokumen yang diminta oleh FEMA.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai surat tersebut atau keputusan FEMA, sila sediakan nombor pendaftaran FEMA semasa anda menghubungi **Talian Bantuan FEMA di 800-621-3362 (711 / VRS)**. Talian dibuka dari jam 8 pagi hingga 7 malam tujuh hari seminggu, dan operator boleh menghubungkan anda dengan pakar yang boleh bertutur dalam bahasa anda. Sekiranya anda biasa menggunakan perkhidmatan geganti seperti perkhidmatan geganti video, perkhidmatan telefon kapsyen atau lain-lain, sila beri FEMA nombor untuk perkhidmatan tersebut.

Di bawah undang-undang persekutuan, FEMA tidak dibenarkan menduplikasi tuntutan pembayaran kepada individu atau isi rumah untuk kerugian yang dilindungi oleh insurans.

Sekiranya anda dilindungi insuran, anda haruslah segera menghubungi syarikat insurans tersebut bagi mengemukakan tuntutan dan meminta dokumen yang memaklumkan perlindungan insurans, faedah, dan tuntutan pembayaran anda, dokumen yang memperincikan dengan tepat apa yang dilindungi dan dibayar di bawah tuntutan anda. Kemudian hantarkan maklumat tersebut kepada **FEMA, Individuals & Households Program, National Processing Service Center, P.O. Box 10055, Hyattsville, MD 20782-7055**, atau faks ke talian 800-827-8112. Sertakan nombor pendaftaran FEMA anda pada semua dokumen.

Anda boleh membuat rayuan terhadap sebarang keputusan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh surat keputusan FEMA. Panduan rayuan boleh didapati dalam surat FEMA tersebut.

Anda amat digalakkan untuk menghantar permohonan pinjaman lengkap Pentadbiran Perniagaan Kecil A.S. jika anda menerimanya. Ini merupakan langkah penting yang patut dipertimbangkan bagi beberapa bantuan bencana yang lain. Anda boleh menghantar permohonan SBA anda di <https://DisasterLoanAssistance.sba.gov> atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan SBA di 800-659-2955 untuk maklumat lanjut. Anda juga boleh melayari mana-mana Pusat Pemulihan Bencana. Dapatkan di [DRC Locator \(fema.gov\)](https://www.fema.gov/drc-locator).

Tarikh akhir untuk memohon bantuan bencana FEMA ialah pada hari **Ahad, 5 Disember**.

Untuk maklumat syarat-syarat insurans banjir bagi penerima bantuan bencana persekutuan, layari <https://www.fema.gov/sites/default/files/2020-05/FloodInsuranceRequirements-080119.pdf>. Untuk sumber tambahan dalam talian serta risalah FEMA yang boleh dimuat turun, lawati [DisasterAssistance.gov](https://www.fema.gov/disaster) dan klik "Information."

Untuk rujukan kepada agensi-agensi yang memberi bantuan keperluan komuniti-tertentu, layari <https://www.211nys.org/contact-us> atau hubungi 211. Untuk penduduk New York City, hubungi 311.

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Manusia Penyalahgunaan Bahan A.S. dan Pentadbiran Perkhidmatan Kesihatan Mental telah mengaktifkan talian bantuan Kecemasan Bencana. Perkhidmatan sokongan krisis bebas tol, pelbagai bahasa ini disediakan 24/7 di talian **800-985-5990** untuk mangsa bencana yang mengalami tekanan emosi. Pengguna Bahasa Isyarat Amerika boleh menghubungi talian bantuan ini melalui videofon di talian **800-985-5990**, atau dengan membuat pilihan "ASL Now" di sebelah kanan laman web di [Disaster Distress Helpline-ASL Now](https://www.fema.gov/disaster).

Untuk maklumat terkini mengenai usaha pemulihan Taufan Ida di New York, layari www.fema.gov/disaster/4615. Ikuti kami di Twitter di twitter.com/femaregion2 dan www.facebook.com/fema..

#

Misi FEMA membantu mereka sebelum, semasa, dan selepas bencana.